



Oleh Noor Mohamad Shakil Hameed

# Peluang terbaik satukan ummah

**L**angkah kerajaan negeri Kelantan untuk melaksanakan Rang Undang-Undang Kanun Jenayah Syariah II 1993 (pindaan 2015) yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Kelantan secara sebulat suara membabitkan 31 Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) daripada Pas, 12 ADUN Barisan Nasional dan seorang ADUN PKR seperti dijangka mula mencetuskan pelbagai reaksi.

Walaupun sudah dinyatakan secara jelas bahawa undang-undang ini langsung tidak membabitkan orang bukan Islam, namun kerisauan dan keimbangan sesetengah pihak yang bersandarkan kepada ideologi politik sudah mula memanaskan suhu politik tanah air. Tindakan beberapa individu dan parti politik tertentu mengeluarkan kenyataan dilihat semakin mengeruhkan keadaan.

Hakikatnya kedudukan agama Islam dalam Perlembagaan Persekutuan adalah cukup jelas. Mengikut Perkara 3, Islam ialah agama bagi Persekutuan, tetapi agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana Bahagian Persekutuan. Maka semua pihak wajar menghormati apa yang terpasteri kemas dalam Perlembagaan itu. Tidak sepatutnya masih ada pihak yang jahil dan terus mempertikaikan urusan hal ehwal dalaman berkaitan agama Islam.

Situasi ini dilihat cukup menyedihkan dan mengecewakan. Selepas hampir 58 tahun negara kita merdeka masih ada yang degil dan ingin terus bermain api dengan isu sensitif seperti ini. Isu agama ialah soal yang cukup sensitif dan tidak boleh dibuat main.

Kita khuatir situasi ini boleh memecah belahan jambatan perpaduan yang kita pertahankan selama ini. Tahap perpaduan kaum yang menjadi kebanggaan kita juga sudah mula membimbangkan. Perasaan prejudis, syak wasangka dan tidak percaya sudah mula memutik dan semakin merisaukan. Jelas sudah ada pihak yang tidak mempedulikan soal perpaduan kaum yang menjadi benteng kita sejak dulu.

Realitinya ini bukan soal politik. Kenapa begitu sukar untuk memahami situasi ini. Ini adalah persoalan akidah dan agama yang cukup dimuliakan selama ini. Biarlah umat Islam selesaikan isu ini dengan mengikut cara dan kaedah yang sebetulnya. Dalam soal ini kita tidak memerlukan restu

malahupun pandangan pihak lain yang tiada kena mengena dengan agama kita.

Penulis cukup risau apabila isu hudud ini mula dipolemikkan dan dipolitikkan oleh pihak tertentu untuk kepentingan dan agenda peribadi yang akhirnya boleh mencetuskan perbalahan dan pergolakan dalam kalangan masyarakat, terutama antara umat Islam dan bukan Islam.

Orang bukan Islam tidak wajar bimbang. Ia tiada kaitan dengan mereka dan tidak akan diguna pakai andai disabit sebarang kesalahan mahupun jenayah. Itu adalah jaminan yang dimukta-madkan. Sebagai agama yang cukup adil, Islam tidak pernah mengnaniaya mana-mana pengikut agama lain dalam apa juar keadaan sekalipun.

Biarlah umat Islam menggunapakai apa juar hukum yang difikirkan betul dan wajar mengikut ajaran agama yang sebenar. Semua pihak perlu sedar bahawa kebebasan bersuara ada had dan batasnya. Jangan menyalahguna kebebasan yang diperuntukkan.. Hormatilah hak dan kebebasan agama rasmii Persekutuan juga.

## Buang segala persengketaan

Dalam konteks ini umat Islam sebenarnya perlu bersatu. Ketepikan segala perbalahan, perbezaan pendapat mahupun ideologi politik yang menjadi penghalang utama proses penyatuan ummah.

Percayalah bahawa ini mungkin peluang terbaik untuk kita menyatakan solidariti dan bersatu menjadi ummah yang bersatu dan kuat. Jangan lupa kata-kata keramat bahawa bersatu kita teguh, bercerai kita roboh. Sudah-sudahlah. Sampai bila kita mahu hidup sebegini dan sampai bila juga kita mahu membiarkan agama Islam terus dihina mahupun dipertikai walaupun agama Islam agama rasmi Persekutuan.

Sekali lagi ini bukan soal politik dan tiada keperluan untuk mendapatkan pengesahan, kesepakatan, persetujuan, sokongan mahupun kelulusan daripada mana-mana pihak yang tiada kepentingan. Biarlah orang Islam uruskan dan selesaikan isu ini sebaik yang mungkin.

Dan penulis juga ingin mengambil kesempatan ini untuk

merayu kepada semua pemimpin politik yang beragama Islam agar ambillah peluang ini untuk bermuhasabah diri memikirkan masa depan kedudukan agama Islam di negara kita. Ini mungkin peluang terbaik untuk kita bersatu dan menegakkan syiar Islam di bumi bertuhu ini.

Kita perlu menjadi benteng yang kukuh dalam mempertahankan kedudukan dan kesucian agama Islam. Buanglah jauh-jauh segala persengketaan yang ada selama ini. Robohkan tembok penghalang demi agama yang satu dan mulia. Mempertahankan kesucian dan kedudukan Islam adalah tanggungjawab dan kewajipan kita bersama.

Mutakhir ini sudah ada pihak yang begitu berani dan lantang bersuara menyentuh isu sensitif seperti ini. Puncanya kesilapan kita sendiri yang terus bercakaran sesama kita tanpa mempedulikan musibah yang akan menimpa umat Islam dan kedudukan agama Islam itu sendiri suatu hari kelak.

**FAKTA**  
**Rang Undang-Undang  
Kanun Jenayah  
Syariah II 1993  
(pindaan 2015) yang  
diluluskan oleh  
Dewan Undangan  
Negeri Kelantan  
sebulat  
suara**

Penulis khuatir jika situasi sebegini berterusan tidak mustahil suatu hari nanti generasi anak cucu kita hanya mampu membaca dalam buku sejarah.

Apakah kita mahu perkara seumpama ini berlaku? Apakah kita mahu menjadi tali barut dan punca penyebab yang menyumbang kepada malapetaka seperti itu berlaku? Fikir dan renung-renungkanlah sebaik-baiknya. Sekali terlepas kedudukan itu tidak mungkin kita akan peroleh semula.

Generasi terdahulu baik orang Melayu, Cina mahupun India sanggup bertolak ansur dan bersatuju untuk menjadikan agama Islam sebagai agama rasmi Persekutuan atas semangat muhibah dan setiaawan yang tinggi berpaksikan kepada kontrak sosial. Kenapa generasi hari ini begitu mudah melupakan jasa dan pengorbanan nenek moyang kita?

Kita sedang menuju impian menjadi negara maju berpendapatan tinggi dalam tempoh kurang lima tahun akan datang, justeru perkara sebegini yang boleh memecah belahan perpaduan dan fokus masyarakat perlu di-cegah dan dielak sepenuhnya.

**Penulis Ketua Bahagian  
Hal Ehwal Pelajar UPM**